

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR – DAP]**

SOALAN (NO. 242)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- a) Kebarangkalian atlet Malaysia dijangkiti virus Zika di sukan Olimpik 2016 di Brazil; dan
- b) Sama ada atlet Malaysia telah dimaklumkan dan diberi kelepasan untuk tidak pergi ke Sukan Olimpik 2016, Ogos ini jika bimbang dengan virus Zika yang menular dan mengurangkan risiko jangkitan virus Zika, dan sama ada Malaysia akan menarik diri daripada Sukan Olimpik 2016.

SULIT

JAWAPAN (A)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Sukan Negara (ISN) sedang memantau dan mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap atlet bagi mengurangkan risiko jangkitan virus Zika. Laporan terbaharu yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sehingga 17 Februari 2016, terdapat 48 buah negara dan kawasan yang melaporkan jangkitan virus Zika termasuk Brazil. Walaubagaimanapun, tiada anggaran kebarangkalian jangkitan yang dikeluarkan oleh WHO atau Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
2. Sekiranya berlaku jangkitan terhadap atlet di temasya Olimpik Rio, pasukan perubatan ISN akan memantau perkembangan kesihatan dan memberi rawatan rapi terhadap pesakit. Penilaian tahap jangkitan yang dialami akan dinilai, sekiranya ianya serius maka atlet akan dinasihatkan untuk tidak menyertai kejohanan dan mendapatkan rawatan yang bersesuaian.

JAWAPAN (B)

1. Masih terlalu awal untuk mengeluarkan arahan melarang atlet untuk tidak menyertai temasya Olimpik Rio 2016. KBS melalui ISN akan sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan belum mengeluarkan apa-apa arahan berkaitan isu ini. Buat masa ini juga pihak WHO tidak mengeluarkan sebarang larangan ke

SULIT

negara-negara yang dijangkiti virus Zika termasuk negara Brazil. Sebarang keputusan penyertaan ke temasya Olimpik Rio hanya akan diputuskan setelah hampir tarikh kejohanan berkenaan.

3. Justeru itu, sebagai langkah pencegahan berdasarkan saranan KKM dan WHO, atlet digalakkan untuk memakai baju berlengan panjang dan seluar panjang serta menggunakan *repellent* (bahan untuk menghalau nyamuk) dan tidur di tempat yang dipasang kelambu. Atlet juga akan dinasihatkan untuk tidak melakukan aktiviti luar semasa senja dan selepas subuh.
4. Walau bagaimanapun, semua atlet yang akan menyertai kejohanan Olimpik Rio akan diberikan suntikan vaksin *yellow fever* sebagai langkah pencegahan memandangkan Brazil juga tersenarai sebagai salah sebuah negara dengan risiko transmisi penyakit demam kuning "*yellow fever*" juga disebabkan oleh jangkitan nyamuk. Berbanding zika, penyakit demam kuning ini dapat dicegah dengan suntikan vaksin.

Sekian, terima kasih.